

Jenis Akhbar : Kosmo Ahad

Tarikh : 03/09/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 6

Tajuk : ANGKASA pulih 500 koperasi tak aktif

Ditawar jalani peruncitan bawah BA100 dan bakal diberi pusingan kredit RM10,000

Angkasa pulih 500 koperasi tak aktif

Oleh ASLIZA MUSA

TANJUNG MALIM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah mengenal pasti lebih 500 koperasi berstatus tidak aktif di seluruh negara untuk dipulihkan semula.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, usaha bagi pemulihian itu akan dilaksanakan menerusi program di bawah Angkasa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

“Di bawah Angkasa, mananya koperasi yang tidak aktif ini, kita bantu dengan menawarkan mereka untuk menjalankan aktiviti peruncitan di bawah program Barang Asas 100 (BA100).

“Melalui program itu, kita beri mereka pusingan kredit sebanyak RM10,000 dan ia boleh dijadikan modal untuk membeli barang runcit dan jual kepada ahli. Ini dijadikan sebagai permu-laan sebelum dikembangkan ke-



ABDUL FATTAH (tengah) merasmikan kilang pembungkusan minyak masak usaha sama anggota Koperasi Felda Trolak Utara di Felda Trolak Utara, Sungai semalam.

pada aktiviti lain.

“Setakat ini, sebanyak 2,000 koperasi telah mendaftar me-

nerusi program itu dan daripada jumlah tersebut, 1,000 koperasi kembali aktif,” katanya selepas

menyempurnakan Karnival Usa-hawan Kami Anak Felda (KAF) Wilayah Trolak di Felda Trolak

Utara di Sungai, di sini semalam.

Malah katanya, koperasi juga berdepan masalah dan hilang ke-layakan apabila gagal menyediakan penyata akaun.

“Kita juga ada bahagian pe-mulihan yang mana akan bantu koperasi menyediakan penyata akaun. Penyata akaun ini akan diserahkan kepada akauntan bertauliah untuk pengesahan.

“Biasanya, koperasi tidak aktif ini kerana tiada transaksi, bagaimanapun dari segi undang-undang mereka tetap kena buat laporan.

“Sebahagian besar koperasi ini tidak faham. Lagipun, kope-rasi tidak aktif ini tiada pendapatan, apabila buat akaun mereka perlu bayar kepada akauntan bertauliah.

“Kita harap SKM boleh bantu dalam hal ini dari segi pembela-yan. Dengan cara ini, mungkin sebahagian koperasi yang tidak aktif ini dapat diselamatkan,” ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA